

Untuk Siaran Segera

Kumpulan Syarikat Panasonic dan Majlis Perbandaran Klang berkerjasama membersihkan persekitaran

Kempen Indahkan Bandar Klang menyerikan persekitaran Taman Sentosa

Klang, 19 Mac 2011 – Kumpulan Syarikat Panasonic di Lembah Klang berkerjasama menganjurkan kempen *Indahkan Klang* bersempena inisiatif Zon Bersih bersama Majlis Perbandaran Klang di Taman Sentosa hari ini.

Mereka yang mengambil bahagian dalam aktiviti gotong-royong ini termasuk wakil-wakil dari Kumpulan Syarikat Panasonic, ahli-ahli Majlis Perbandaran Klang dan ahli-ahli dari komuniti tempatan. Selepas aktiviti pembersihan dijalankan, persekitaran kawasan Taman Sentosa sepanjang Jalan Dato' Yusuf Shahbudin kelihatan lebih bersih dan indah

“Tahun ini merupakan tahun ketiga penganjuran bersama antara Kumpulan Syarikat Panasonic dan Majlis Perbandaran Klang untuk kempen *Indahkan Klang* dan pada tahun ini, Kumpulan Panasonic akan menyumbang papan tanda *Zon Bersih* yang akan diletakkan di sekitar kawasan Taman Sentosa sekaligus memenuhi syarat-syarat mengumumkan Taman Sentosa sebagai *Zon Bersih*,” kata Dr R Naidu, Pengerusi Sumber Manusia Kumpulan Panasonic.

“Kami akan terus mengambil bahagian dalam program ini sebagai satu peluang bagi kakitangan Panasonic untuk mengaktifkan diri secara fizikal dalam menyumbangkan tenaga kepada komuniti tempatan. Inisiatif ini merupakan salah satu dari tanggungjawab sosial korporat kami dalam operasi perniagaan Panasonic dan juga selari dengan visi korporat kami iaitu kesedaran terhadap alam sekitar,” tambahnya lagi

Mengenai Kumpulan Panasonic di Malaysia

Dikenali dengan jenama Panasonic, Panasonic Corporation yang beribu pejabat di Osaka, Jepun adalah peneraju dunia dalam pembangunan dan pengeluaran produk-produk elektronik untuk pelbagai jenis pengguna, perniagaan, dan keperluan perindustrian.

Kumpulan Syarikat Panasonic di Malaysia dengan sejumlah 23 syarikat yang terdiri dari 12 syarikat perkilangan, 4 syarikat jualan dan pembinaan, 3 syarikat penyelidikan dan pembangunan, 2 syarikat kewangan dan insurans, 1 syarikat logistik dan perolehan dan 1 syarikat pegangan pelaburan dan pengurusan perkhidmatan. Kumpulan ini beroperasi dengan misi perniagaan untuk meningkatkan kualiti hidup sejajar dengan prinsip mereka iaitu sumbangan kepada masyarakat dari pelbagai aspek dengan tumpuan utama ke atas produk, pendidikan, masyarakat dan persekitaran.

Perhubungan Media: Azizah Wahid

Pengurus Besar, Komunikasi Korporat & Penjenamaan

Tel: 03 7809 7876 Fax: 03 7955 1857 Mobil: 019 217 2730

Emel: azizah.wahid@my.panasonic.com

Ashleigh Hong

Eksekutif, Komunikasi Korporat & Penjenamaan

Tel: 03 7809 7874 Fax: 03 7955 1857 Mobil: 012 5260 265

Emel: ashleigh.hong@my.panasonic.com

###